

## Pk. P.U. 4.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976  
(Akta 171)UNDANG-UNDANG KECIL PASAR MALAM/SEHARI  
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 1987

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 (i) Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Daerah Kerian membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan pemakaian.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar Malam/Sehari (Majlis Daerah Kerian) 1987** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kerian sahaja.

Tafsiran.

2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“pasar malam/sehari” ertinya dan termasuklah penjualan makanan, minuman atau barang-barang di sepanjang jalan-jalan awam atau lorong atau tempat awam:

“gerai pasar malam/sehari” ertinya dan termasuklah sebuah gerai, meja, bangku atau gerobok atau apa-apa bumbung yang digunakan atau dimaksud untuk digunakan bagi penjualan apa-apa makanan bermasak atau sebaliknya atau sebarang jenis barang-barang.

Lesen.

3. Tiada siapa pun boleh mendirikan apa-apa gerai pasar malam/sehari di mana-mana jalan awam, lorong atau di atas mana-mana tanah yang berdepankan mana-mana jalan kecuali ia telah mendapat lesen untuk itu daripada Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian dan tertakluk kepada bayaran yang ditetapkan dalam Jadual.

Lesen dikeluarkan tiap-tiap hari.

4. Setiap lesen akan dikeluarkan tiap-tiap hari dan tidak boleh dipindah milik. Setiap lesen hendaklah bernombor dan menetapkan tempat di mana gerai pasar malam/sehari boleh didirikan, saiz yang dibenarkan, waktu perniagaan dan hendaklah disimpan oleh pemegang lesen di gerainya dan dikemukakan apabila dituntut untuk pemeriksaan oleh pegawai Majlis Daerah Kerian atau mana-mana pegawai polis.

Tiada pembayaran balik bayaran lesen.

5. Jika mana-mana lesen dibatalkan atau ditarik balik kerana apa-apa sebab sekalipun, pemegang lesen tidak berhak mendapat apa-apa pembayaran balik bayaran-bayaran yang telah dibayar bagi jangka waktu lesennya yang belum luput.

Keluasan gerai.

6. Tiada gerai pasar malam/sehari boleh menduduki suatu kawasan melebihi keluasan yang ditetapkan di dalam lesen.

Halangan.

7. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah membebaskan semua tempat lalu-lalang di sebelah gerai pasar malam/seharinya dari apa jenis halangan yang timbul dari/atau berkaitan dengan perniagaannya dan tiada pemegang lesen boleh menempatkan apa-apa barang melewati garisan-garisan perenggan yang menunjukkan kawasan gerainya.



8. Tiada pemegang lesen mana-mana gerai pasar malam/sehari boleh menyerahkan hak, memajakkan, menyewakan atau "sub-let" gerainya. Gerai pasar malam/sehari tidak boleh diserahkan dan sebagainya.
9. Tiada pemegang lesen sesebuah gerai pasar malam/sehari dan tiada sesiapa pun yang digajikan di gerai itu dibenarkan membuang sampah-sarap pepejal dari apa jenis hasil dari/atau berkaitan dengan perniagaannya sebagai pemegang lesen ke atas mana-mana jalan, tempat awam atau tempat lalu-lalang atau pun ke dalam mana-mana longkang. Pembuangan sampah.
10. Semua pasar malam/sehari di bawah kawalan Majlis Daerah Kerian hendaklah dibuka mengikut waktu yang diarahkan oleh Yang Dipertua, dan melainkan dengan kebenaran khas dari Yang Dipertua tiada siapa pun boleh berada di pasar malam/sehari selain dari waktu yang ditetapkan. Waktu berniaga.
11. Tiap-tiap gerai pasar malam/sehari hendaklah dipindahkan selepas waktu berniaga yang ditetapkan. Gerai pasar malam/sehari hendaklah dipindahkan selepas waktu perniagaan.

## JADUAL

(Undang-undang kecil 3)

<i>Saiz gerai</i>	<i>Bayaran</i>
(i) tidak melebihi 2.43m×3.04m	\$1.00 semalam/sehari bagi tiap-tiap satu petak
(ii) melebihi 2.43m×3.04m	\$2.00 semalam/sehari bagi tiap-tiap satu petak

Bertarikh pada 4hb Oktober 1985.  
[MD Kerian 4653; PU Pk. 36/76.]

HAJI HASSAN BIN ABDULLAH,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Kerian*

Disahkan pada 28hb November 1986.  
[PSUK Pk. (KT) 21149/10.]

MUHAMMAD PADZIL BIN KHALID,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*